



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 8 APRIL 2026

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FAMA SEDIA BANTU PETANI TANGANI LAMBAKAN SAYUR, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	NELAYAN KELAS C JUAL DIESEL BERSUBSIDI?, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 9	LAIN - LAIN
3.	SUBSIDI KERAJAAN 'SELAMATKAN' NELAYAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	
4.	'HARGA TALI TANGKAP IKAN PUN NAIK', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11	
5.	KENAIKAN MENDADAK HARGA DIESEL, CUACA KEMARAU JEJAS OPERASI, PESAWAH 3 NEGERI TANGGUH TANAM PADI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
6.	AGRESIF TINGKATKAN HASIL PADI NEGARA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 2	
7.	RISIKO GANGGUAN BEKALAN MAKANAN NEGARA, AKIBAT PEMBELIAN PANIK, MANIPULASI ORANG TENGAH, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 11	
8.	CUSTOMS DEPT SEIZES DRIED SHARK FINS WORTH RM8.24M, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 6	
9.	AYAM, BABI SEJUK BEKU RM2.2 JUTA DIRAMPAS, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 22	
10.	GAGAL SELUDUP SIRIP IKAN YU RM8.2 JUTA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 22	
11.	PADAH LEMPAR ANAK KUCING KE DINDING, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 21	
12.	LELAKI CAMPAK ANAK KUCING DIJEL 6 BULAN, NEGARA, KOSMO, M/S – 5	
13.	KRISIS DI ASIA BARAT, KESAN SAMPAI DAPUR KITA, CETUSAN, SINAR HARIAN, M/S – 13	
14.	SAYUR BERACUN DALAM PASARAN?, NEGARA, KOSMO, M/S – 1 & 2	
15.	MUSANG KING BENTONG DIJUAL RM15 SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	
16.	RM750,000 PACU PROGRAM ITEKAD, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 27	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

FAMA sedia bantu petani tangani lambakan sayur

Kuala Lumpur: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersedia membantu petani yang terjejas dengan lambakan sayur dengan memperluaskan pemasaran hasil pertanian melalui pengedaran di rangkaian peruncitan FAMA di seluruh negara.

Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri, berkata dalam masa yang sama juga FAMA akan mempergiatkan kempen menggalakan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan dalam kalangan pengguna.

"FAMA juga sudah mengadakan sesi libat urus dengan Pengerusi Pertubuhan Sayur dan Bunga Lojing, Cameron Highlands, Wong Teng Wong, justeru petani juga digalakkan memanfaatkan platform Agrobazaar

Online bagi membolehkan jualan secara terus kepada pengguna sebagai alternatif pemasaran.

"Untuk makluman, harga pada peringkat ladang dan borong kini menunjukkan peningkatan dan dijangka terus stabil dalam tempoh terdekat, sekali gus memberi kelegaan kepada petani yang terkecewa sebelum ini," katanya kepada *BH*, di sini, semalam.

BH melaporkan, pekebun sayur di Lojing berharap agensi berkaitan khususnya FAMA membantu mencari pasaran baharu bagi hasil dari kawasan itu.

Pengerusi Pertubuhan Sayur dan Bunga Lojing, Wong Teng

peringkat ladang berada di bawah paras kos pengeluaran yang semakin meningkat.

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid, berkata kebanyakan petani mengalami kerugian disebabkan kos pengeluaran tinggi di mana kos pengeluaran kubis ialah RM1.20 sekilogram, tetapi harga ladang ialah 60 sen saja.

"Ini bermaksud menanam sayuran ketika ini adalah merugikan kerana kubis import yang dijual di Pasar Borong Selayang hanya pada harga 70 sen sekilogram. Ini seolah-olah lebih baik import daripada tanam di negara sendiri.



Syed Abd Rahman



Abdul Rashid Bahri

Wong, berkata, peluang itu penting diterokai dalam usaha mengatasi masalah lambakan hasil yang dihadapi.

Bagaimanapun, berbeza pula dengan masalah dihadapi oleh pekebun sayur di Cameron Highlands apabila harga sayur di-

"Kos pengeluaran sayuran import lagi murah di China, Thailand, Bangladesh dan jika perkara ini berterusan, petani mungkin akan berhenti menanam sayuran dan beralih ke arah lain pula," katanya.

Jelasnya lagi, beliau juga sudah memohon bantuan daripada kerajaan negeri, anjarannya mengurangkan kadar sewa tanah sehingga 50 peratus dan juga mengesakan kawalan harga di Pasar Borong Selayang.

"Kita lihat apa yang kerajaan boleh bantu, namun jika perkara ini berterusan dengan peperangan yang dilanjutkan dan semua barang seperti baja, racun dan kos pekerja serta pengangkutan naik, kami juga kena beralih kepada tanaman lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Nelayan kelas C jual diesel bersubsidi?

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofi.isa@mediamulia.com.my

KUANTAN: Nelayan C2 di negeri ini meminta pihak berwajib memantau kegiatan segelintir nelayan kelas C yang didakwa menjual minyak diesel bersubsidi yang dibeli pada harga RM1.65 seliter kepada tauke-tauke besar.

Dakwa sumber nelayan C2, ia bukan sahaja menyalahi undang-undang malah merupakan ketidakadilan kepada golongan terbabit yang tidak memperoleh subsidi dan perlu membeli pada harga semasa RM6.02 sen ketika ini.

“Minyak diesel bersubsidi dibeli pada harga RM1.65 seliter, tetapi ada yang menjual semula kepada pihak tertentu terutama tauke besar dengan harga melebihi RM3 seliter.

“Biasanya, mereka ini sekali jual dalam kuantiti tidak besar,

1,000 liter tetapi berulang kali dan tetap memperoleh keuntungan. Ini suatu ketidakadilan kepada kami nelayan C2 khususnya bumiputera yang tidak menerima subsidi,” dakwanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Dakwa sumber tersebut lagi, keuntungan besar sebenarnya diperoleh oleh nelayan kelas C terbabit yang menjual diesel bersubsidi diperoleh kerana mereka tidak perlu menanggung kos tinggi untuk mengisi minyak.

“Pada masa sama, tauke-tauke besar juga mendapat manfaat kerana boleh beli diesel pada harga jauh lebih rendah berbanding pasaran.

“Dengan harga murah itu, mereka boleh terus ke laut seperti biasa tanpa rasa terbeban. Inilah yang membuatkan kegiatan ini semakin berleluasa kerana kedua-dua pihak sama untung,” katanya.

Sumber itu menggesa agensi penguatkuasaan meningkatkan pemantauan dan melakukan pemeriksaan bagi membanteras kegiatan menjual diesel bersubsidi tersebut.

“Kami harap pihak berkuasa lebih serius. Jangan tunggu sampai isu ini jadi besar baru hendak bertindak. Kalau dibiarkan, ia boleh jadi sindiket yang sukar dibendung,” tegasnya.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan kos mengisi minyak diesel yang mencecah lebih RM150,000 sebulan membebaskan nelayan kelas C2 bumiputera di negeri ini sehingga mereka terpaksa menghentikan operasi menangkap ikan.

Difahamkan, sebuah bot C2 memerlukan kira-kira 30,000 liter diesel setiap bulan untuk turun ke laut, sekali gus menjadikan kos bahan api sahaja lebih RM150,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Subsidi kerajaan 'selamatkan' nelayan

KANGAR: Ketidaktentuan harga diesel ketika ini hanya memberi kesan kepada nelayan tidak berlesen yang tidak memperoleh subsidi kerajaan.

Bagi nelayan yang mempunyai lesen, mereka tidak terjejas dengan kenaikan harga bahan api berkenaan kerana membeli pada harga subsidi RM1.65 seliter.

Hasil tinjauan *Utusan Malaysia* di Kampung Seberang Ramai Kuala Perlis, di sini, kebanyakan nelayan masih turun laut seperti biasa disebabkan ketidaktentuan harga diesel tersebut.

Bagi nelayan tidak berlesen, meskipun terpaksa membeli diesel pada harga mahal namun mereka tetap kental turun ke laut demi mencari rezeki menampung kehidupan seharian keluarga.

Seorang nelayan tidak berlesen Nordin Dahman, 55, berkata, perkembangan itu sememangnya memberi kesan kepadanya berikutan perlu membeli bahan bakar tersebut pada harga tanpa subsidi.

Katanya, dia sebelum ini sudah tiga kali membuat permohonan kepada pihak berwajib bagi mendapatkan lesen sejak menjadi nelayan 2016.

"Namun sehingga kini, permohonan itu masih belum diluluskan walaupun saya aktif turun ke laut. Apabila status permohonan masih tidak diluluskan, saya perlu membeli bahan api berkenaan pada harga biasa yang sedikit membebankan setiap kali ingin turun ke laut," katanya.

Seorang lagi nelayan, Azhari Yahaya, 64, berkata, dia tidak terkesan dengan ketidaktentuan harga diesel berikutan memperoleh bantuan subsidi daripada kerajaan.

Katanya, harga peralatan dan barangan menangkap ikan juga masih sama tanpa menunjukkan sebarang peningkatan sebarang peningkatan mendadak.

"Subsidi kerajaan membantu kami menangkap ikan di laut," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

'Harga tali tangkap ikan pun naik'

BESUT: Kira-kira 1,000 nelayan bot kelas A, B dan C di Kuala Besut di sini, bimbang tidak mampu meneruskan operasi di laut ekoran kenaikan harga diesel yang turut mempengaruhi kos-kos lain termasuk alat menangkap ikan.

Walaupun menerima subsidi daripada kerajaan, mereka mendakwa ia belum mencukupi untuk menampung peningkatan kos operasi.

Rata-rata nelayan mengakui, subsidi diberikan mampu meringankan beban namun tidak boleh menampung keseluruhan kos terutama bagi bot kelas B dan C yang menggunakan diesel dalam jumlah besar di laut dalam.

Nelayan, Zu Mohamed, 51, berkata, kenaikan harga diesel turut menyebabkan peningkatan harga peralatan menangkap ikan termasuk tali dan pukat.

"Sebelum ini kos setiap trip ke laut menelan belanja kira-kira RM10,000 tetapi kini meningkat satu kali ganda ekoran kenaikan harga barangan keperluan lain yang terkesan dengan harga diesel.



ZU Mohamed (kanan) mengisi bahan bakar diesel ke dalam botnya di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Besut, Besut, Terengganu. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

"Contoh paling mudah yang kita dapat lihat adalah harga tali yang mana sebelum ini RM2,000 naik sehingga RM2,600. Ia adalah peningkatan yang besar," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuala Besut, di sini semalam.

Menurutnya, peralatan menangkap ikan itu menjadi keperluan utama dan perlu ditukar dua hingga tiga kali dalam tempoh sebulan.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Besut (PNKB), Tengku Harun Tengku Ismail berkata, pemberian sub-

sidi kepada nelayan bot kelas A, B, dan C dilaksanakan kerajaan sejak 2006 yang mana mereka masih boleh mendapatkan diesel pada harga RM1.65 seliter.

"Kenaikan harga diesel sehingga RM6.02 menimbulkan kebimbangan dalam kalangan nelayan yang mana kos operasi meningkat tetapi harga penjualan ikan masih sama ia menyebabkan margin keuntungan semakin rendah.

"Sekarang hanya bot kelas A, B, dan C yang masih beroperasi ekoran mempunyai subsidi dan rata-rata bot kelas C2 kebanyakan menghadkan pengoperasian mereka kerana kos penggunaan bahan bakar meningkat berlipat ganda," katanya.

Kata Tengku Harun, mereka bimbang sekiranya berterusan, ia dapat mengganggu pendaratan ikan yang merupakan sumber protein utama negara.

Justeru itu, mereka berharap kerajaan dapat mengkaji kembali kenaikan harga bahan bakar itu dan mencari inisiatif terbaik bagi membantu golongan terjejas.

Kenaikan mendadak harga diesel, cuaca kemarau jejas operasi

Pesawah 3 negeri tangguh tanam padi

Oleh YATIMIN ABDULLAH,
MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
dan MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@medianesia.com.my

PETALING JAYA: Pesawat di tiga buah negeri mungkin menangguhkan penanaman padi yang dijadual pertengahan bulan ini ekoran cuaca panas melampau selain kenaikan harga diesel.

Keadaan itu menyebabkan mereka bimbang dengan padi yang mungkin tidak menjadi dan peningkatan kos penanaman yang tinggi.

Di **PASIR MAS**, pesawah di Kelantan tidak menolak kemungkinan menangguhkan penanaman padi berikutan kenaikan mendadak harga diesel dan cuaca kemarau yang menjejaskan operasi.

Seorang pesawah, Mohd Faisal Mohd Noor berkata, kebanyakan pengusaha kini tidak lagi mampu menampung kos bahan api yang terus meningkat.

"Jika kenaikan terus berlaku, pilihan yang ada buat kami ialah 'berehat' buat sementara waktu. "Ini kerana semua jentera dan peralatan pertanian bergantung sepenuhnya kepada penggunaan diesel," katanya.

Katanya, kos membajak kini meningkat kepada RM260 berbanding RM170 bagi keluasan 0.4 hektar, sekali gus membebankan pesawah kecil.

Selain itu, upah mengetam turut meningkat sebanyak RM7 bagi setiap 85 kilogram padi, berbanding kadar sebelum ini.

TIKAD MAMPU TAMPUNG KOS OPERASI

Pengerusi Persatuan Pesawah Pesawah Kelantan (Pesak), Zuhra Ismail berkata, kenaikan harga diesel mencecah RM6.02 seliter menyebabkan petani tidak mampu menampung kos operasi kerana semua aktiviti pertanian bergantung sepenuhnya kepada diesel termasuk membajak, menuai dan mengangkut hasil ke pusat jualan.

Di **LANGKAWI**, lebih 1,000 pesawah di pulau ini turut berkeungkinan menangguhkan aktiviti penanaman padi musim ini yang dijadualkan bermula bulan depan berikutan kenaikan kos penanaman sehingga 40 peratus susulan peningkatan harga diesel.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Langkawi, Hassim Saad berkata, jika proses penanaman diteruskan, pesawah akan menanggung kerugian akibat ketiadaan subsidi diesel bagi kegunaan jentera pertanian.

Beliau berkata, sebelum ini harga diesel sekitar RM3.92 seliter namun kini meningkat kepada



SEORANG petani melihat bendangnya yang kering akibat musim panas ketika ini walaupun musim penanaman dijadual bermula minggu depan.



PESAWAH mengakui kenaikan diesel memberi tekanan untuk memulakan tanaman padi musim baharu di Tumpat, Kelantan.

lebih RM6, sekali gus menjadikan kos jentera bagi setiap relung padi meningkat daripada RM180 kepada RM450.

Menurutnya, terdapat lebih 1,000 pesawah berdaftar mengusahakan kira-kira 1,700 hektar sawah di kawasan berkenaan.

Sementara itu, pesawah, Amirudin Abdul, 40, berkata beliau berdepan kerugian sekiranya hasil padi kurang daripada satu tan metrik.

Katanya, jika hasil sekitar satu tan metrik, pendapatan hanya kira-kira RM250 selepas ditolak kos diesel, manakala jika hasil hanya 750 kilogram, beliau akan menanggung kerugian sekitar RM150.

Di **ALOR SETAR** pula, petani di kawasan MADA enggan me-

kos operasi akan meningkat tetapi hasil tidak seberapa.

"Jadi, mengapa pesawah nak ambil risiko tanam juga, lebih baik kita tunggu hujan," katanya.

MADA sebelum ini menyarankan agar penanaman padi bagi Musim 1/2026 dilaksanakan secara TTK di sawah seluas 100,641 hektar berikutan cuaca panas dan musim kemarau yang masih melanda Kedah.

Tambah Che Ani, meskipun hanya TTK alternatif yang ada buat masa ini, namun ia tetap tidak berbaloi kepada pesawah melaksanakannya.

"Pesawah di Kedah misalnya, perlu mendapat hasil bersih sekurang-kurangnya 1.6 tan per relung (0.3 hektar) untuk memperoleh pendapatan yang tidak seberapa sebenarnya," katanya.

Di **ARAU**, penanaman padi musim baharu yang sudah bermula di Perlis mungkin terpaksa ditangguhkan ekoran kebanyakan pesawah sudah tidak mampu menanggung kesan kenaikan harga diesel dan cabaran kekurangan sumber bekalan air.

Seorang pesawah, Zamzuri Ishak, 42, berkata, musim baharu tanaman padi ketika ini sehingga Mei depan sukar untuk dilaksanakan ekoran cuaca panas dan kemarau masih berlarutan.

Katanya, kesan kenaikan harga diesel tersebut menyebabkan pesawah berdepan peningkatan kos operasi sehingga 50 peratus.

"Kita bimbang pesawah selepas ini akan mengusahakan tanaman padi sekali sahaja setahun. Kos untuk sediakan tapak sebelum proses tabur benih kini sudah menelan belanja RM1,400 sehektar berbanding sebelum kenaikan harga diesel iaitu sekitar RM900.

"Jika tanaman padi semusim sahaja setahun selepas ini, hasil pengeluaran padi khususnya di Perlis bakal berkurangan sehingga 50 peratus.

"Hasil pengeluaran padi di Perlis semusim yang direkodkan sebelum ini adalah sebanyak 154,975,325 tan metrik yang turut membantu menyumbang kira-kira 11 peratus kepada pengeluaran beras negara. Jika setahun hanya semusim, makin berkuranganlah pengeluaran hasil padi dan beras negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sebagai rekod, tanaman padi bagi musim ini bermula bagi fasa satu pada 15 April, diikuti fasa dua (29 April) dan fasa tiga pada 13 Mei.

MASALAH SUMBER AIR BERLARUTAN

Zamzuri yang mengusahakan tanaman padi di kawasan seluas 15 hektar berkata, dia juga berkeungkinan menangguhkan tanaman musim ini jika masalah sumber air masih berlarutan.

Katanya, kaedah tabur terus kering yang disarankan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sukar dilaksanakan kerana ia terdedah kepada banyak risiko, terutama memabitkan ancaman padi angin, rumpai serta serangan perosak seperti burung, tikus dan cengkerik.

"Kaedah tabur terus kering ini sebenarnya tetap memerlukan air untuk mencambahkan benih. Kos operasi juga akan meningkat dengan kaedah ini, manakala hasil pula dijangka tidak seberapa.

"Jika hendak dilaksanakan juga musim tanaman kali ini adalah lebih baik tunggu hujan dan bekalan air daripada pihak berkaitan selepas keadaan empangan sudah stabil," katanya.

Kaedah tabur terus kering pernah dilaksanakan pada 1987, 1991, 1992 serta 1993 ketika kawasan utara berhadapan musim panas melampau dan ia pernah dicadangkan pelaksanaan pada tahun 2017 dan 2020, namun tidak diteruskan selepas hujan turun di kawasan tanaman.

TANAM PADI LIMA KALI DUA TAHUN SUKAR

Dalam pada itu, hasrat ke arah tanaman padi lima kali dua tahun terutama di negeri-negeri pengeluar utama makanan ruiji itu semakin sukar dilaksanakan kesan daripada kenaikan berterusan harga diesel serta cabaran kekurangan sumber bekalan air itu.

"Melihat kepada situasi sekarang, hasrat untuk melaksanakan penanaman padi lima kali dua tahun sudah boleh ditolak," kata Zamzuri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Agresif tingkatkan hasil padi negara

BARU-BARU ini telah dilaporkan rizab beras negara jiran, Indonesia telah mencapai ke paras rekod 4.5 juta tan melebihi kapasiti penyimpanan mereka.

Peningkatan itu telah didorong dasar agresif kerajaan Indonesia yang menumpukan kepada pengeluaran domestik dalam tempoh singkat.

Di Malaysia pula, simpanan beras negara kerap dianggarkan melebihi satu juta tan metrik, cukup untuk menampung keperluan domestik bagi tempoh lebih lima bulan.

Bagaimanapun, Malaysia masih bergantung kepada import bagi menampung keperluan beras tempatan.

Sudah tentulah kebergantungan ini membuka ruang kepada risiko luar jangka khususnya apabila berlaku gangguan terhadap rantaian bekalan global kesan ketegangan geopolitik atau perubahan dasar eksport negara pengeluar.

Kejayaan Indonesia untuk meningkatkan hasil padi dan membina stok simpanan yang kukuh wajar menjadi penanda aras kepada Malaysia bagi menilai semula pendekatan mengupayakan peningkatan pengeluaran domestik.

Negara kita bukanlah ketinggalan dalam melaksanakan pelbagai inisiatif memperkukuh sektor padi dan beras.

Buktinya, usaha pembinaan dan naik taraf sistem pengairan, pembaikan tali air serta pembinaan rumah pam baharu bagi meningkatkan kecekapan bekalan air ke kawasan sawah giat dilakukan.

Tidak terkecuali usaha memulihkan kawasan sawah terbiar dan membangunkan kawasan jelapang padi baharu dan di luar jelapang. Inisiatif ini memberi harapan kepada peningkatan keluasan tanaman dalam jangka panjang.

Namun begitu, cabaran utama terletak pada tempoh masa yang diperlukan sebelum semua usaha ini dapat menghasilkan impak signifikan.

Oleh itu, tindakan agresif mesti dilakukan agar hasil padi negara mesti ditingkatkan dalam tempoh singkat.

Penggunaan teknologi moden, benih berkualiti tinggi, pengurusan ladang yang lebih efisien dan inisiatif tanam padi lima musim dalam dua tahun mesti digiatkan.

Paling utama, kebajikan pesawah perlu diberi perhatian.

Insentif yang kompetitif dan pulangan yang berbaloi mesti dipastikan agar usaha mereka terus berdaya maju seperti dilakukan Indonesia dengan menjamin harga jualan padi yang menguntungkan petani.

Tanpa keutamaan yang jelas kepada golongan ini, sukar untuk menarik minat generasi muda menceburi sektor pertanian, sekali gus menjejaskan kesinambungan industri padi negara. Malaysia harus melangkah lebih jauh dengan iltizam politik, dasar yang tegas serta pelaksanaan yang pantas dalam soal keselamatan makanan.

Bertangguh akan menyebabkan kelewatan dan setiap kelewatan hari ini hanya akan meningkatkan risiko krisis pada masa hadapan yang akhirnya boleh menjejaskan kestabilan negara.

Badrul Hafizan Mat Isa ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	11

RISIKO GANGGUAN BEKALAN MAKANAN NEGARA

Akibat pembelian panik, manipulasi orang tengah

Kuala Lumpur: Risiko gangguan bekalan makanan negara ketika ini bukan berpunca daripada kekurangan stok, sebaliknya akibat psikologi pengguna iaitu pembelian panik pengguna dan manipulasi orang tengah.

Pensyarah Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr Mohd Aiman Hamdan berkata, keterjaminan bekalan makanan negara masih berada pada tahap selamat buat masa ini.

Menurutnya, penimbun stok (buffer stock) negara bagi barangan ruji seperti beras, gandum, daging sejuk beku dan gula dianggarkan mampu bertahan antara tiga hingga enam bulan tanpa gangguan.

Katanya, perkara itu kerana stok di dalam gudang ketika ini sudah dikunci pada harga kontrak lama sebelum ketegangan geopolitik memuncak.

"Sekiranya masyarakat mengesan sebarang salah laku seperti kegiatan menyorok bekalan, manipulasi harga oleh orang tengah, ia perlu dilaporkan segera kepada pihak berwajib seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Budaya sekadar menularkan isu di media sosial tanpa aduan rasmi perlu dihentikan. Perkara itu tidak akan menyelesaikan masalah sebaliknya akan mencetuskan rantaian panik awam dan memburukkan lagi gangguan rantaian bekalan tempatan," katanya kepada Harian Metro.

Dalam masa sama, beliau menjelaskan, secara asasnya, kerajaan tidak mampu menjamin kestabilan harga untuk tempoh jangka panjang, khususnya dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Tambah beliau lagi, apabila stok semasa perlu diganti dengan bekalan baharu pada harga lebih tinggi, negara berdepan risiko berlakunya inflasi diimport yang sukar dikawal.

"Risiko terbesarnya adalah lonjakan kos ran-

taian bekalan, yang mana ia bukan sekadar isu kenaikan harga minyak semata-mata, malah mungkin lebih parah daripada itu.

"Namun, terdapat salah faham umum bahawa peperangan akan menyebabkan harga minyak mentah melonjak secara melampau.

"Hakikatnya, harga rujukan minyak dunia mungkin kekal stabil, namun tekanan sebenar datang daripada kos rantaian bekalan yang meningkat, antara faktornya adalah kos logistik dan pengangkutan yang lebih tinggi apabila laluan dagangan terpaksa diubah bagi mengelak zon konflik," katanya.

Kata beliau, situasi itu turut didorong peningkatan mendadak premium insurans maritim, selain kelewatan bekalan bahan mentah serta kos pemulihan fasiliti terjejas yang menjejaskan kecekapan operasi industri, sekali gus menambah beban kos import.

Mohd Aiman berkata, kenaikan pelbagai komponen kos import ini diramalkan mampu menolak kadar inflasi makanan domestik meningkat lebih tinggi pada suku akan datang.

"Akhirnya wujud dilema, adakah pengguna terpaksa membeli pada harga mahal atau kerajaan terpaksa melebarkan defisit fiskal untuk menanggung subsidi yang membengkak?" katanya.

"Akhirnya wujud dilema, adakah pengguna terpaksa membeli pada harga mahal atau kerajaan terpaksa melebarkan defisit fiskal menanggung subsidi yang membengkak?"

Dr Mohd Aiman

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	NEW STRAITS TIMES	NEWS	6

Customs Dept seizes dried shark fins worth RM8.24m

KUALA LUMPUR: The Customs Department has seized 35.6 tonnes of dried shark fins worth RM8.24 million, believed to have been imported without permits and intended for high-end restaurants in the country.

Selangor Customs director Mohamad Azhar Ahmad Paharaz said the seizure involved three containers intercepted at the North Port Free Zone in Port Klang on Feb 12, March 2 and March 9 under Op Petasan.

Azhar said the containers, one 20-foot unit and two 40-foot units, were detained following intelligence from the Customs headquarters' narcotics branch.

"They were carrying dried shark fins weighing 35,660kg, believed to have been imported without valid permits," he said.

"The total value of the goods is estimated at RM7.13 million, with duties and taxes amounting to RM1.11 million."

Based on the seizure value, the shark fins are estimated to sell for about RM200 per kilogramme, highlighting their strong demand in the premium food market.

Azhar said preliminary investigations found the shipments arrived at Port Klang between Feb 3 and March 7, and originated from South America.

He said the import of shark fins was subject to strict controls, including permits from the Malaysian Quarantine and In-

spection Services Department and approvals under the Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora from the Fisheries Department.

"We found that the importer made false declarations in Customs Form 1 and the manifest, labelling the goods as 'dried fish skin' and 'dried foodstuff' to evade detection."

The case is being investigated under Section 135(1)(a) of the Customs Act for importing prohibited goods and Section 133(1)(a) of the same act for making false declarations.

Azhar said the department also seized four containers of frozen chicken and pork worth RM2.23 million, including duties and taxes, at the North Port Free Zone.

He said the seizure was made on Feb 6, also under Op Petasan, following intelligence from the National Targeting Centre.

He said enforcement officers inspected four 40-foot refrigerated containers and discovered 112,880kg of frozen meat believed to have been imported without valid permits.

The containers arrived at Port Klang on Jan 16 and Jan 20, with the shipments originating from an Asian country.

Page 1 pic: The shark's fin seized by the Customs Department in Port Klang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Ayam, babi sejuk beku RM2.2 juta dirampas

PELABUHAN KLANG - Daging ayam dan babi sejuk beku seberat 112.8 tan bernilai lebih RM2.2 juta dibawa masuk tanpa permit import sah melalui Zon Bebas Pelabuhan Utara dirampas pihak berkuasa.

Daging dimuatkan dalam empat kontena itu dipercayai bagi pasaran musim perayaan Tahun Baharu Cina dan Aidilfitri lalu.

Pengarah JKDM Selangor, Mohamad Azhar Ahmad Paharazi berkata, rampasan dibuat menerusi Op Petasan pada 6 Februari lalu.

"Hasil pemeriksaan mendapati tiga kontena mengandungi daging ayam sejuk beku seberat 84,000 kilogram (kg) bernilai kira-kira RM1.3 juta termasuk duti dan cukai.

"Sebuah lagi kontena melibatkan 28,880kg daging babi sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM924,160," katanya pada Selasa.

Beliau berkata, siasatan mendapati kontena tersebut tiba di Pelabuhan Klang pada 16 dan 20 Januari lalu.

"Dagangan ini berasal dari sebuah negara di Asia dan dibawa masuk tanpa permit import yang tertakluk di bawah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

"Jelasnya, kontena mengandungi barangan dagangan itu diikrarkan secara tidak benar sebagai barangan makanan sejuk beku," jelasnya.



Mohamad Azhar (kiri) menunjukkan rampasan daging ayam sejuk beku di Pejabat Kastam Pelabuhan Utara, Klang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	22



Gagal seludup sirip ikan yu RM8.2 juta

PELABUHAN KLANG—Cubaan membawa masuk sirip ikan yu kering bernilai RM8.2 juta dipercayai untuk diedarkan ke restoran mewah, terbongkar selepas penahanan tiga kontena di Zon Bebas Pelabuhan Utara di sini baru-baru ini.

Rampasan tersebut dibuat menerusi Op Petasan di Zon Bebas Pelabuhan Utara pada 12 Februari, 2 Mac dan 9 Mac lalu selepas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menngesan kemasukan sirip ikan yu tanpa memiliki permit import sah.

Pengarah JKDM Selangor, Mohamad Azhar Ahmad Paharazi berkata, tiga kontena dagangan terbabit berasal dari sebuah negara di benua Amerika Selatan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan menemukan 35,660 kilogram (kg) sirip ikan yu kering yang dipercayai diimport tanpa permit sah.

"Siasatan awal mendapati seekilogram sirip ikan yu kering dianggarkan berharga RM2,000 dan dipercayai untuk pasaran tempatan terutama di restoran mewah," katanya ketika sidang akhbar di sini pada Selasa.

Beliau berkata, siasatan juga mendapati barangan itu dipercayai dibawa masuk pengimport sama.

Tambahnya, penghantaran tersebut dikesan tiba di Pelabuhan Klang pada 3 dan 19 Februari serta 7 Mac lalu.

"Modus operandinya adalah membuat ikrar dagangan palsu sebagai kulit ikan kering dan bahan makanan kering bagi mengelak dikesan JKDM," ujarnya.

Jelasnya, nilai dagangan tersebut berjumlah RM7.1 juta manakala duti atau cukai terlibat dianggarkan RM1.1 juta.

Tegasnya, pengimportan sirip ikan yu kering tertakluk kepada permit import yang dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Konvensyen Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam (CITES) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) dan 133(1)(a) Akta Kastam 1967.

Mohamad Azhar (kiri) menunjukkan bungkus ikan sirip yu kering dibawa masuk secara haram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	21

Padah lempar anak kucing ke dinding

Penganggur dipenjarakan 6 bulan akibat gagal bayar denda RM60,000

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN

KAJANG - Seorang duda anak tiga yang tular dalam kes mendera dengan mencampakkan anak kucing ke dinding sebuah dobi, menangis teresak-esak apabila dihukum penjara enam bulan selepas gagal membayar denda RM60,000 di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa.

Toh Teck Hooi, 49, yang merupakan seorang penganggur dikenakan hukuman itu selepas mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim, Khairur Aleeza Ismail.

Mengikut pertuduhan, lelaki terbabit didakwa mendera anak kucing jantan berwarna hitam dengan kejam iaitu men-

campaknya ke dinding dan tilam berulang kali di sebuah dobi di Taman Kajang Prima, antara jam 3.30 dan 4 pagi pada 2 April lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Subseksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Subseksyen 29(1) akta sama.

Subseksyen itu memperuntukkan hukuman denda antara RM20,000 dan RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Mohd Sharif Sabran, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian, tertuduh memuat naik video berdurasi 59 saat di aplikasi sosial miliknya memaparkan kesalahan berkenaan.

Sehari kemudian, Pegawai Kebajikan Haiwan JPV Selangor menjalankan pemeriksaan di lokasi kejadian.



Teck Hooi (dua, kiri) diarahkan menjalani hukuman penjara enam bulan selepas gagal membayar denda di Mahkamah Sesyen Kajang.

Pemeriksaan awal terhadap anak kucing tersebut mendapati, kaki kanan belakang disyaki tercedera apabila menunjukkan tanda tidak selesa apabila disentuh. Anak kucing

malang itu juga kelihatan tidak aktif dan kurang bermaya.

Suspek kemudiannya ditahan reman empat hari bermula Sabtu lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	21



TERTUDUH ketika ditangkap sehari selepas kejadian tular mencampak seekor kucing.

Lelaki campak anak kucing dijel 6 bulan

KAJANG – Seorang lelaki yang sebelum ini tular kerana mencampak anak kucing ke dinding sebuah dobi dijatuhkan hukuman enam bulan selepas dia gagal membayar denda RM60,000 di Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Khainur Aleeza Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh yang juga penganggur, Toh Teck Hooi, 49, selepas lelaki itu mengaku bersalah atas pertuduhan yang disabitkan ke atasnya.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa mendera anak kucing jantan berwarna hitam dengan kejam dengan cara mencampak haiwan itu ke dinding dan tilam berulang kali, di sebuah dobi di Taman Kajang Prima, pukul 3.30 hingga 4 pagi pada 2 April lalu.

Justeru, pertuduhan dikemukakan mengikut Subseksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan

Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Subseksyen 29(1) akta sama.

Subseksyen itu memperuntukkan hukuman denda antara RM20,000 dan RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Mohd. Sharif Sabran, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian, tertuduh memuat naik video berdurasi selama 59 saat di aplikasi sosial miliknya, memaparkan kesalahan berkenaan.

Sehari kemudian, Pegawai Kebajikan Haiwan, JPV Selangor menjalankan pemeriksaan di lokasi kejadian dan mendapati kaki kanan belakang haiwan itu disyaki tercedera.

Krisis di Asia Barat, kesan sampai dapur kita



**HARUM
MANIS
KELAT**

**BADRULDIN
ZAKARIA**

Dunia hari ini secara jelasnya sedang berada di atas retakan yang menanti masa untuk belah. Amerika Syarikat (AS) dan negara haram Israel yang menjadi kesayangannya tidak akan boleh hidup tanpa pengeboman, kekerasan dan pembunuhan terhadap rakyat negara lain.

Konflik di Asia Barat yang berpunca daripada serangan penjenayah perang terhadap Iran menyebabkan dunia menjadi tidak tentu arah. Sejak ia ber mula dan meletakkan keselamatan global dalam keadaan siaga. Ketegangan yang melibat Iran dan sekutu Barat bukan lagi sekadar retorik politik, tetapi percikan api yang mampu membakar rantaian bekalan dunia bila masa.

Masalah laluan di Selat Hormuz yang sedang dihadapi ketika ini akan menimbulkan lebih banyak masalah. Ketika ini pun kita hadapinya apabila harga diesel di Malaysia

yang melebihi RM6 seliter, harga yang tidak pernah kita rasa sebelum ini.

Hinggakan rakyat Malaysia di sempadan terpaksa beli di Thailand kerana di sana lebih murah. Sungguh terbalik keadaannya. Di Malaysia, kegusaran mengenai konflik di Asia Barat ini mula menjadi topik perbualan. Daripada sembang-sembang di sosial media hinggalah ke restoran mamak, timbul persoalan mendesak: Perlukah kita mula memenuhkan stor dengan bekalan makanan sebagai persiapan menghadapi perang?

Kerajaan melalui Kementerian berkaitan telah tampil memberikan jaminan stok makanan negara, terutamanya beras, masih mencukupi dan berada dalam keadaan terkawal. Perlu kita fahami sumber import makanan utama Malaysia bukanlah datang dari zon konflik itu, sebaliknya dari negara seperti India, Australia dan Brazil. Oleh itu, tidak ada sebab memanas-manas

rakyat melakukan pembelian panik. Tindakan memborong secara luar biasa akan mengundang ketidakstabilan pasaran, dan memacu kenaikan harga yang akhirnya menjerat leher pengguna itu sendiri.

Bagaimanapun, bersikap terlampau tenang sehingga mengabaikan realiti ekonomi juga satu kesilapan. Walaupun peluru berpandu tidak melintasi ruang udara kita, kesan ekonomi dunia bersifat saling berpaut. Asia Barat adalah nadi tenaga global. Gangguan di Selat Hormuz menyebabkan kos logistik dan pengangkutan makanan melompat ke tahap yang membebankan.

Inilah yang kita bimbangkan apabila inflasi makanan yang bukan berpunca daripada ketiadaan barang di rak pasar raya, tetapi daripada kos rantaian yang hilang imbang akibat huru-hara harga minyak dunia.

Dalam mendepani ketidaktentuan ini, persediaan rasional adalah kunci. Simpanan makanan asas untuk tempoh memanas-manas bagi sesebuah isi rumah adalah langkah pengurusan risiko yang bijak, bukannya tindakan melalui kerana ketakutan.

Persediaan ini bukan bermakna kita sedang menunggu hari kiamat, tetapi manifestasi sikap berwaspada dalam dunia yang semakin rapuh. Kita harus sedar keselamatan peribadi tidak boleh diserahkan bulat-bulat kepada belas ihsan rantaian bekalan global tanpa ada pelan sandaran yang kukuh.

Namun, berpada-pada dalam membuat persediaan. Janganlah membeli untuk stok setahun hingga akhirnya barang itu rosak dan membazir sahaja.

Pada masa sama, manfaatkanlah ruang di sekeliling kita untuk bercucuk tanam pokok-pokok yang bermanfaat ketika waktu yang tidak terjangka. Bagi yang ada kelebihan ruang dan kemahiran, boleh usaha kan penternakan untuk keperluan keluarga.

Tidak perlu ada panik melampau dalam menghadapi konflik Asia Barat ini. Namun, biarlah kita bersedia dengan akal tajam dan strategi kemas. Walaupun peperangan itu jauh di mata, kesannya tetap mampu merayap masuk ke dapur rumah kita.

**Badruldin Zakaria ialah
Timbalan Pengarang Berita Sinar Harian*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	KOSMO	MUKA HADAPAN	1

Sayur beracun dalam pasaran?

- **Dijual kepada warga tempatan tanpa pemeriksaan**
- **Singapura keluarkan 39 notifikasi penolakan tanaman dari Cameron Highlands**

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN** dan **NORFARHIZA MOHD. ATAR**

CAMERON HIGHLANDS - Sayur beracun dari daerah ini yang dihalang memasuki Singapura sama ada menggunakan racun perosak secara berlebihan atau yang tidak dibenarkan, dikhuatiri dijual di pasaran tempatan

dan berisiko menjejaskan kesihatan pengguna.

Dakwaan itu adalah berasas kerana selepas Singapura mengeluarkan 39 notifikasi penolakan melibatkan 14 pengeksport sayur dari daerah ini tahun lalu, ke mana lagi sayur-sayuran itu dilambakkan?

» **BERSAMBUNG DI MUKA 2**

Sayur beracun dalam pasaran?

DARI MUKA 1

Timbul juga persoalan, bagaimana dengan sayur-sayuran yang dijual dalam negara ini? Adakah ia dihasilkan oleh ladang yang sama?

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Ir. Razali Kassim, kebimbangan itu mendorong kerajaan negeri memperketatkan pemantauan terhadap penggunaan racun perosak di kawasan tanah tinggi itu.

Katanya, sebelum ini hanya satu notifikasi direkodkan pada 2022, diikuti dua (2023), sebelum meningkat kepada 18 notifikasi (2024) dan melonjak kepada 39 (2025).

"Siasatan mendapati semua 14 pengeksport terlibat merupakan pusat pengumpulan beralamat di Cameron Highlands yang kebanyakannya memperoleh sayur daripada pembekal sekitar kawasan sama.

"Bagaimanapun, lokasi ladang sebenar sukar dikenal pasti kerana maklumat tersebut tidak dikemukakan oleh pihak pengeksport. Pelanggaran residu racun paling tinggi melibatkan bahan *Formetanate* dengan 30 kes, diikuti *Tolfenpyrad*, *Chlorfenapyr*, *Carbofuran*, *Cyromazine*, *Oxamyl*, *Abamectin*, *Omethoate* dan *Dimethoate*," katanya.

Menurut Razali, pemantauan terus dilakukan supaya pekebun mematuhi peraturan ditetapkan. Jika gagal, mereka yang akan tanggung rugi.

Tambahnya, walaupun Kementerian Kesihatan tidak



PIHAK berkuasa perlu memastikan sayur yang dijual di pasaran selamat dimakan oleh pengguna.

memiliki data tepat jumlah keseluruhan pengeksport di Cameron Highlands, anggaran menunjukkan terdapat 70 pusat pengumpulan yang berkemungkinan terlibat dalam aktiviti pengeksportan sayur-sayuran.

"Penolakan eksport hanya diterima daripada *Singapore Food Agency* yang mengeluarkan notifikasi rasmi bagi produk yang tidak mematuhi perundangan keselamatan makanan negara itu," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Sains Tanaman Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd Firdaus Ismail berkata, racun

perosak berbahaya bukan sahaja kekal dalam sayur-sayuran, malah memakan masa lama untuk hilang dalam tanah.

Katanya, pencampuran racun perosak memberikan kesan toksik serius kepada sistem saraf, pernafasan dan organ dalaman manusia.

"Antara racun paling persisten ialah *chlorfenapyr* yang merupakan antara yang paling lama bertahan yang mana ia mereput dengan sangat perlahan di dalam tanah, dengan purata setengah hayat (*half-life*) sekitar satu tahun.

"Selain itu *formetanate* yang


mana jangka masanya sangat bergantung kepada keasidan tanah iaitu dalam tanah beralkali ia mereput dalam masa sembilan hingga 11 hari tetapi dalam tanah berasid ia boleh kekal antara 542 hingga 1,567 hari atau empat tahun," katanya.

Menurut Mohd. Firdaus, tempoh masa baki racun perosak kekal di dalam tanah bergantung kepada jenis bahan kimia yang masih boleh dikesan berada dalam tanah sehingga 105 hari.

Tambahnya, pekebun yang kurang kesedaran dan rasa tanggungjawab akan menggunakan racun jenis itu demi kepentingan



MOHD. FIRDAUS



RAZALI

peribadi.

"Racun sangat efektif kawal perosak dan penyakit pada sayur tetapi berbahaya.

"Mereka mungkin akan guna banyak-banyak supaya tidak perlu bersusah payah mencari alternatif untuk elak sayur mudah rosak," katanya.

Ujar Mohd. Firdaus, penggunaan racun tanpa kawalan juga akan memberi kesan besar kepada reputasi pertanian negara apabila negara lain menolak hasil keluaran pertanian negara kita kerana tidak mematuhi standard.

"Pengguna yang menjadi mangsa kerana hasil kebun akan dijual terus kepada mereka tanpa ada pemeriksaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2026	KOSMO	NEGARA	2

Musang king Bentong dijual RM15 sekilogram

- Kebiasaan bila masuk musim akan dijual lebih tinggi
- Awal musim sudah 700kg dijual sehari

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

BENTONG – Baru masuk musim, musang king sudah dijual serendah RM15 sekilogram di sini.

Sebelum ini jika musim baharu durian bermula, biasanya harga durian musang king akan dijual dengan harga terendah kira-kira RM28 sekilo sebelum menurun ketika puncak pengeluaran sehingga RM10 sekilogram.

Berdasarkan tinjauan *Kosmo!* mendapati musang king gred C dijual dengan harga RM15 sekilogram manakala bagi gred B dengan harga RM25 sekilogram manakala gred A dengan harga RM30 sekilogram.

Penjual durian Mohammad Nafri Masrom, 38, berkata, dia yang telah menjual durian sejak dua minggu lalu dapat menjual dengan harga yang murah berdasarkan kepada harga kebun yang lebih baik pada musim ini.

“Alhamdulillah mula musim kali ini saya sudah dapat menjual dengan harga serendah RM15 sekilogram manakala durian musang king B kita jual empat kilogram RM100.

“Setakat ini kualiti buah adalah baik dan sambutan peminat durian pada permulaan musim ini adalah baik,”katanya di sini hari ini.



DURIAN musang king yang dijual dengan harga serendah RM15 sekilogram di Bentong.

Menurutnya pada masa ini buah durian musang king adalah daripada ladang di Karak, Man-chis, dan Telemong di Bentong manakala durian musang king dari Raub masih belum bermula.

Katanya, pada peringkat permulaan ini dia dapat menjual kira-kira 700 kilogram sehari dan dijangka permintaan akan meningkat.

Dalam pada itu dia berkata, musim durian pada kali dijangka berpanjangan hingga ke penghujung Jun sekali gus memberi peluang kepada penggemar durian menikmati raja buah itu.

“Pengeluaran kali ini dijangka mendatar dan orang ramai dapat menikmati durian dengan harga yang berpatutan,”ujarnya.

RM750,000 pacu program iTEKAD

Kuala Lumpur: CIMB Islamic Bank Berhad memperuntukkan sebanyak RM750,000 bagi memperkasa golongan belia menerusi program iTEKAD Melon Manis Terengganu Graduate Agropreneur Programme, sekali gus memacu pembangunan pertanian moden dan bernilai tinggi di negeri itu.

Sejak dilaksanakan pada 2023, program berkenaan berjaya melahirkan 40 agropreneur muda daripada kalangan pelajar asnaf dan kurang berkemampuan membabitkan dua kohort dengan pengeluaran kira-kira 12,000 tanaman premium Melon Manis Terengganu (MMT) yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB, Novan Amirudin berkata, program itu mencerminkan komitmen bank dalam memperkasa masyarakat melalui kewangan sosial Islam sebagai pemangkin pembangunan inklusif dan mampan.

"Melalui integrasi keterangkuman kewangan

dan pembangunan keupayaan, kami membantu peserta menjana pendapatan yang berdaya tahan di samping mengukuhkan rantaian nilai agro tempatan serta memperluas peluang ekonomi di Terengganu," katanya.

Menurutnya, susulan kejayaan kohort pertama, CIMB Islamic kini memperluas program ke kohort kedua dengan penambahbaikan latihan serta peningkatan kapasiti pengeluaran di empat rumah hijau di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Besut.

Program itu dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) dan UniSZA, di samping menyediakan latihan teknikal, kemahiran keusahawanan serta pengalaman praktikal dalam pertanian moden.

Kesemua peserta kohort pertama kekal aktif dan mencatatkan pendapatan purata kira-kira RM3,000 seorang bagi setiap musim tuaian, membuktikan keusahawanan agro sebagai laluan kerjaya mampan untuk belia.



NOVAN (kiri) pada majlis pelancaran kohort baharu Program iTEKAD CIMB Islamic Melon Manis Terengganu Graduate Agropreneur di Terengganu, baru-baru ini.